

FSSA Raikan Anak Yatim dalam Majlis Iftar

Terakhir dikemaskini: Isnin, 03 Jun 2019 10:58 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 226

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



ISNIN, 03 JUN – Seramai 28 anak yatim dari Rumah Amal Kasih Asnaf Kingfisher telah diraikan dalam Majlis Iftar anjuran Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), dan Alumni FSSA, Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta berkata, majlis yang julung kalinya dianjurkan itu bertujuan berkongsi kegembiraan dan meraikan golongan yang kurang bernasib baik itu pada bulan Ramadan al-Mubarak.

“Biarpun sederhana, majlis ini berseri dengan senyuman yang terukir di wajah anak-anak yatim tersebut.

“Kita mahu meraikan mereka dengan cara istimewa, selain mahu kegembiraan

yang kita ada ini dikongsi bersama dengan mereka yang benar-benar memerlukan,” katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

Prof. Dr. Baba berkata, majlis itu juga dalam masa yang sama sebagai satu usaha merapatkan silaturahim antara alumni dan warga FSSA.

“Turut diadakan Ceramah Tazkirah Ramadan yang disampaikan Ketua Program Pendarasan Islam, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS, Dr. Issraaq Ramlie,” tambah beliau.

Bertempat di Kompleks Perhutanan fakulti berkenaan, lebih 110 orang hadir menjayakan majlis tersebut termasuk kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan pelajar antarabangsa FSSA.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Baba turut menyempurnakan penyampaian sumbangan Ramadan kepada anak-anak yatim.

Sumber : Kenny Uwai dan Razuan Mathew (Gambar)